



## MSIG FIRE ADD-ON

# POST-LOSS BENEFIT

### MANFAAT PASCA-KERUGIAN



Sebagai pemilik perusahaan kecil dan sederhana (SME), anda perlulah memastikan harta dan perniagaan anda dilindungi dan sentiasa bersedia untuk mengharungi segala kesulitan. Insurans Kebakaran melindungi harta anda sekiranya berlaku kejadian tertentu yang tidak terduga, namun, terdapat juga perkhidmatan lain dan perbelanjaan tambahan yang harus ditanggung supaya perniagaan anda dapat kembali beroperasi seperti biasa. Oleh itu, MSIG menawarkan Perlindungan Tambahan Kebakaran Manfaat Pasca-Kerugian. Anda dapat menikmati ketenangan minda dengan premium tambahan yang rendah.

#### Tahap Permulaan\*

Bayar manfaat kesulitan harian maksimum sehingga 14 hari atau sehingga perniagaan anda beroperasi seperti biasa, yang mana lebih awal, apabila:-

- ✓ Kerugian di bawah Polisi Kebakaran MSIG anda adalah sah;
- ✓ Kerugian di bawah Polisi Kebakaran MSIG anda adalah melebihi RM2,000.00 selepas pengenaan lebihan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Kebakaran MSIG; dan
- ✓ Anda tidak dapat menjalankan operasi perniagaan sekurang-kurangnya 24 jam selepas berlakunya kerugian tersebut.

PELAN	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
MANFAAT KESULITAN SEHARI (RM)	1,000	2,000	3,000
BILANGAN HARI DILINDUNGI	Maksimum sehingga 14 hari		

#### Tahap Pertengahan\*

Bayar sehingga 15% daripada kerugian muktamad yang dilaraskan di bawah Polisi Kebakaran MSIG anda, tertakluk kepada jumlah maksimum daripada pelan yang dipilih apabila:-

- ✓ Kerugian di bawah Polisi Kebakaran MSIG anda adalah sah;
- ✓ Kerugian muktamad yang dilaraskan di bawah Polisi Kebakaran MSIG anda adalah melebihi 5% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan selepas pengenaan lebihan dan penyelamatan; dan
- ✓ Anda tidak dapat menjalankan operasi perniagaan sekurang-kurangnya 48 jam selepas berlakunya kerugian tersebut.

PELAN	Pelan 1	Pelan 2
AMAUN MAKSIMUM (RM)	100,000	200,000

Kedua-dua tahap permulaan dan pertengahan juga akan memberikan manfaat kesulitan sebanyak RM2,000 apabila kakitangan atau pekerja anda disahkan positif Covid-19, yang mengakibatkan penutupan sepenuhnya atau sebahagian premis perniagaan anda, sama ada secara sukarela oleh anda atau dengan arahan Kementerian Kesihatan. **BAHARU**

Manfaat Pasca-Kerugian ini akan ditamatkan sebaik sahaja suatu tuntutan dibuat. Walau bagaimanapun, anda mempunyai pilihan untuk mengembalikan semula Manfaat Pasca-Kerugian ini dengan membayar premium tambahan selepas pegembalian semula Polisi Kebakaran anda, kecuali Manfaat Kesulitan Covid-19 yang tidak boleh dikembalikan sehinggalah anda membuat pembaharuan yang seterusnya.

\*Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat.

## Contoh Scenario:

Adele memiliki sebuah kedai pakaian yang diinsuranskan dengan MSIG. Dia sedang mempertimbangkan Perlindungan Tambahan Manfaat Pasca-Kerugian, sama ada Tahap Permulaan- Pelan 1 atau Tahap Pertengahan- Pelan 1. Pilihan dia adalah berdasarkan premium dan perlindungan yang diberikan.

INSURANS KEBAKARAN		
Jumlah Diinsuranskan	RM500,000.00	
Peril (Premium)	i. Banjir	RM430.00
	ii. Kerosakan akibat rusuhan, mogok dan niat jahat	RM70.00
Premium Insurans Kebakaran (Termasuk CP 6%)	RM1,743.70	
PERLINDUNGAN TAMBAHAN MANFAAT PASCA-KERUGIAN		
Pelan	Tahap Permulaan- Pelan 1	Tahap Pertengahan- Pelan 1
Manfaat	Manfaat kesulitan harian sebanyak RM1,000.00, maksimum sehingga 14 hari	15% daripada kerugian muktamad yang dilaraskan di bawah Polisi Kebakaran, maksimum sehingga RM100,000.00
Premium Perlindungan Tambahan (Termasuk CP 6%)	RM86.05	RM258.42
Jumlah Premium (Kebakaran + Perlindungan Tambahan) (Termasuk CP 6%)	RM1,829.75	RM2,002.12

Semasa tempoh insurans, premis Adele telah mengalami kerosakan akibat banjir dan perniagaannya kembali beroperasi seperti biasa pada hari kelapan. Adele ingin membuat tuntutan di bawah Insurans Kebakaran MSIG dan Manfaat Pasca-Kerugian.

Kerugian di bawah Insurans Kebakaran	RM100,000.00
Lebihan (Banjir)	RM2,500.00
Penyelamatan	RM500.00

BAYARAN TUNTUTAN		
Bayaran Insurans Kebakaran	RM100,000 – RM2,500 – RM500 = RM97,000.00	
Pelan	Tahap Permulaan- Pelan 1	Tahap Pertengahan- Pelan 1
Pengesahan ke atas Bayaran Tambahan	Oleh sebab kerugian adalah melebihi RM2,000 selepas pengenaan lebihan, Adele boleh membuat tuntutan di bawah Tahap Permulaan- Pelan 1.	Kerugian muktamad yang dilaraskan = RM97,000.00 $\frac{RM97,000}{RM500,000} \times 100\% = 19.4\%$ Oleh sebab kerugian muktamad yang dilaraskan di bawah Insurans Kebakaran adalah melebihi 5% daripada jumlah diinsuranskan keseluruhan selepas pengenaan lebihan dan penyelamatan, Adele boleh membuat tuntutan di bawah Tahap Pertengahan- Pelan 1.
Bayaran Perlindungan Tambahan	7 hari x RM1,000 = RM7,000.00	
Jumlah Tuntutan (Kebakaran + Perlindungan Tambahan)	RM97,000 + RM7,000 = RM104,000.00	
		15% x RM97,000 = RM14,550.00
		RM97,000 + RM14,550 = RM111,550.00

Dengan bayaran tambahan daripada **Manfaat Pasca-Kerugian**, perniagaan Adele dapat kembali beroperasi sediakala.

*Penerangan perlindungan ini adalah ringkasan yang bertujuan untuk rujukan cepat dan mudah; terma dan syarat tepat yang tertakluk terdapat di dalam Dokumen Polisi.*

*Nota: Jika terdapat sebarang konflik mengenai kandungan di antara versi Bahasa Inggeris dengan terjemahannya, versi Bahasa Inggeris adalah sah di sisi undang-undang.*

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**

Registration No.197901002705 (46983-W)

Customer Service Centre:

Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng

No. 1, Jalan P. Ramlee

50250 Kuala Lumpur

Tel : (603) 2050 8228

Fax : (603) 2026 8086

Customer Service Hotline: 1800-88-MSIG (6744)

Email: [myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

Website: [www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)

 [www.facebook.com/MSIGMY](https://www.facebook.com/MSIGMY)

For more information, please call MSIG or contact your Insurance Adviser at: